



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA MANTAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN PROF. EMERITUS DATO' IR. TS. DR. ZAINAI BIN MOHAMED**

**OLEH:**

<b>MOHAMAD ZAIDI BIN ZAINUDDIN</b>	<b>2018634956</b>
<b>NURHAYATI BINTI MOHAMAD NAWAWI</b>	<b>2018222184</b>
<b>NURSYAFAWANI BINTI CHE MOHD NOOR</b>	<b>2018260516</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)**

TRANSKRIP WAWANCARA MANTAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN PROF. EMERITUS DATO' IR. TS. DR. ZAINAI BIN MOHAMED

OLEH:

MOHAMAD ZAIDI BIN ZAINUDDIN	2018634956
NURHAYATI BINTI MOHAMAD NAWAWI	2018222184
NURSYAFAWANI BINTI CHE MOHD NOOR	2018260516

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Salam penghargaan kami hулurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) kami ini.

Assalamualaikum W.B.T diucapkan.

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah IMR 604 di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan beliau dalam menyelesaikan tugas ini. Tanpa bantuan dan maklumat daripada beliau, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugas ini dengan jayanya.

Di samping itu, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed sebagai tokoh yang kami temubual bagi berkongsi pengetahuan beliau tentang sejarah dan latar belakang serta kerjaya sebagai tokoh dalam bidang pendidikan.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tidak putus-putus memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan transkrip ini. Kami amat menghargainya dan kami akan menjadikannya sebagai perangsang untuk menyiapkan transkrip ini dengan bersungguh-sungguh.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjayakan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

*Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama tokoh pendidikan iaitu prof. Emeritus dato' dr. Ir. Zainai bin mohamed 70 untuk mengetahui tentang perkhidmatan dan kerjaya beliau sebagai Naib Canselor Pertama Universiti Malaysia Kelantan dan juga peneroka bagi Universiti Teknologi Malaysia. Temubual ini telah dijalankan melalui platform online iaitu Cisco Webex Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 11 Januari 2021 dan pada pukul 10:00 Petang sehingga 1:00 tengah hari. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh beliau semasa berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan.*

*Pengalaman beliau boleh dijadikan panduan atau sumber inspirasi kepada masyarakat.*

*Kata kunci: Pensyarah, Pendidikan, pelajar, sumbangan, pencapaian*

*This interview was conducted with the educational figure of each prof. Emeritus dato 'dr. Ir. Zainai bin mohamed 70 to find out about his services and career as the First Vice Chancellor of Universiti Malaysia Kelantan and also a settler for Universiti Teknologi Malaysia. These interviews were conducted through an online platform for Cisco Webex Meet. The date of the interview is January 11, 2021 and from 10:00 PM to 1:00 pm. He has faced various tests and challenges while serving as Vice Chancellor of Universiti Malaysia Kelantan.*

*His experience can be a guide or source of inspiration to the community.*

*Keywords: Lecturer, Education, students, contributions, achievement*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-iv
Isi Kandungan.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1 - 3
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	4 - 5
Bahagian 3: Pekerjaan.....	6
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	7 - 9
Bahagian 5: Sumbangan.....	9
Bahagian 6: Harapan.....	10
Rujukan.....	11 - 12
Lampiran	
Log Wawancara.....	14 - 17
Diari Kajian.....	18 - 19
Senarai soalan.....	20 - 26
Surat Perjanjian.....	27
Gambar.....	28
Indeks.....	29 - 30



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin  
Mohamed

<b>Nama</b>	: Zainai Bin Mohamed
<b>Nama Panggilan</b>	: Profesor Emeritus Dato' Dr. Ts. Ir. Zainai Bin Mohamed
<b>Umur</b>	: 70 Tahun
<b>Tahun Lahir</b>	: 29 November 1951
<b>Tempat Lahir</b>	: Kampung Gunung, 16390 Bachok, Kelantan
<b>Status</b>	: Berkahwin
<b>Pekerjaan</b>	: Pembantu Teknik (JPS/DID), Penolong Pensyarah (ITK), Pensyarah/ Prof. Madya/Profesor (UTM).

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu proses yang mengandungi perbagai aktiviti yang dirancang khas untuk pembangunan masyarakat. Dalam konteks ini, tokoh pendidikan merupakan orang yang telah banyak berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi masa kini dan masa akan datang.

Pendidikan juga suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan perhubungan atau komunikasi dan interaksi di antara individu dengan individu yang lain seperti seorang ibu dengan anaknya atau seorang pengikut dengan ketuanya atau seumpamanya. Ia juga boleh berlaku di antara individu dengan beberapa individu yang lain seperti di antara seorang anak dengan kedua ibu bapa atau keluarganya atau dengan rakan sebaya, seorang guru dengan murid-muridnya atau seumpamanya.

Pendidikan juga merupakan suatu proses komunikasi dan interaksi di antara manusia dengan persekitarannya seperti sekolah, media massa, tempat tinggal, pekerjaan dan tempat bekerja serta institusi masyarakat lainnya.

Oleh kerana pendidikan adalah suatu proses penerimaan dan penyebaran maklumat, maka ilmu dan budaya yang tersebar secara langsung dan tidak langsung akan mempengaruhi perkembangan fizikal, sosial dan rohani manusia.

Pendidikan berupaya mengubah corak kehidupan seseorang ahli dalam sesebuah Negara. Melalui pendidikan juga dapat membentuk masyarakat yang berakhlak tinggi, berpengetahuan luas, bijaksana dalam membuat keputusan, dan tegas dalam mengendalikan emosi seterusnya dapat memacu kegemilangan dan kecemerlangan sesebuah Negara.

Kajian dibuat mengenai seorang tokoh pendidikan yang banyak berjasa dalam bidang pengajian tinggi iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Ts. Ir. Zainal Bin Mohamed. Beliau telah pernah berkhidmat sebagai Naib Canselor Pertama Universiti Malaysia Kelantan dan juga peneroka bagi Universiti Teknologi Malaysia. Perkhidmatan beliau banyak menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan kepada masyarakat setempat.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang, sejarah pendidikan serta sumbangan yang telah dilakukan oleh seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed yang merupakan Mantan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan [UMK] dari tahun 2006 hingga 2012. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Januari 2021 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 10 pagi menggunakan Webex sebagai medium temubual pada kali ini. Temubual ini dikendalikan oleh Nursyafawani, Mohamad Zaidi dan Nurhayati. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

H: Nurhayati Binti Mohamad Nawawi

S: Nursyafawani Binti Che Mohd Noor

M: Mohamad Zaidi Bin Zainuddin

Z: Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed

## BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

**M : Pertama sekali pada bahagian latar belakang, bolehkah kami tahu nama penuh Dato'?**

**Z :** Seperti yang *you* [awak] sebut itu betul *lah* [ialah]. Nama saya ini ejaannya lain. Lain itu maknanya pelik. Itu ejaan yang ada dalam buku pejabat pendaftaran negara. Itu namanya Z A I N A I. Kalau *you* [awak] cara yang lain ejaannya mungkin tidak akan jumpa mencari nama saya. Latar belakangnya, saya daripada Kampung Kebun Lanas atau Bukit Marak. Jadi berasal daripada kampung itulah.

**M : Bilakah tarikh lahir Dato'?**

Z : Lebih kurang 70 tahun dahulu. Tahun '51 [1951].

**M : Dimanakah Dato' dilahirkan serta dibesarkan?**

Z : Saya sebenarnya dilahirkan di kampung dan dibesarkan di kampung sehingga berumur 19 tahun. 19 tahun baru saya keluar daripada Kelantan. Jadi saya kenali kampung dengan secara rapat sebab apabila umur sampai 19 tahun dilahirkan kira-kira 69 tahun lepas. Sudah lebih. Kiranya sekarang umur sudah 70 tahun. Begitu tahun '51 [1951].

**M : Dimanakah kediaman Dato'?**

Z : Sekarang! sejak saya keluar daripada kampung pada usia 19 tahun ini, saya hanya balik kampung untuk cuti. Macam *you* [awak] balik hujung minggu kalau dekat. Tetapi kita dua tiga bulan balik sekali sehingga 37 tahun kemudian. Saya balik setelah 36 tahun bekerja. Menetap di Kelantan setelah di minta membuka universiti di Kelantan. Apabila duduk di Kelantan selama 5 tahun, berasa minat duduk di Kelantan dan terus membina rumah di Kelantan. Sekarang ini, rumah di Kelantan tetapi bekerja di Kuala Lumpur. Telah menjawab soalan di mana tempat tinggal [ketawa].

**M : Berapakah bilangan adik-beradik Dato'?**

Z : Keluarga saya tidak besar. Saya hanya mempunyai dua orang adik-beradik sahaja. Saya pula hanya mempunyai tiga orang anak dan semuanya sejak tahun 2000 sudah tidak tinggal bersama saya. Semua duduk berjauhan. Ada yang tinggal di Amerika, di Iraq dan ada yang menetap di dalam negeri. Anak saya yang bongsu sudah berumur 41 tahun [senyum]. Dan sekarang saya mempunyai empat orang cucu.

**M : Dato' merupakan anak yang keberapa?**

Z : Saya merupakan anak sulong.

**M : Apakah nama ibu dan ayah tercinta Dato'?**

Z : Nama ibu saya ialah Nek Yah. Dia berasal daripada keluarga yang warak. Ayah saya pula berasal daripada keluarga yang warak juga sebab ada yang belajar dan tinggal di Mekah. Saya mempunyai 5 orang sepupu yang menetap di Mekah. Nama ayah saya ialah Muhammad dipanggil sebagai Haji Muhammad. Kedua-duanya telah meninggal dunia.

**M : Apakah pekerjaan ibu dan ayah Dato' semasa membesarkan Dato'?**

Z : Mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap yang menjadi pendapatan yang tetap. Contohnya kalau musim padi, mereka menuai padi. Dan pada masa terluang mereka mengambil upah menoreh getah dan mengayuh beca. Dan ada juga bekerja di kuari. Itu pekerjaan yang ayah saya buat.

**M : Pada tahun berapakah Dato' mendirikan rumah tangga?**

Z : Pada akhir tahun '73 [1973]. Pada masa itu, saya sudah mempunyai diploma kejuruteraan Awam.

**M : Apakah nama isteri Dato'?**

Z : Nama isteri saya Rosnah.

**M : Soalan terakhir untuk bahagian latar belakang. apakah aktiviti yang Dato' suka lakukan pada waktu lapang?**

Z : Pada zaman kanak-kanak segala aktiviti saya lakukan sama seperti kanak-kanak lain contohnya bermain di sawah padi. Saya ada belajar bermain badminton, bola sepak dan bola takraw pada waktu muda dahulu. Sekarang saya telah beralih ke permainan golf. Ada juga saya berjalan kaki dan semasa di kampung saya ada mengayuh basikal pada waktu pagi.



## BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

- S** : Mengenai sejarah pendidikan Dato', bolehkah Dato ceritakan pendidikan awal Dato' seperti di mana Dato' sekolah rendah dan sekolah menengah?
- Z** : Boleh. Saya belajar di Sekolah Rendah Bukit Marak. Pada masa itu tiada sekolah lain di sekitar kawasan rumah. Sampai darjah 6 bersekolah di situ dan mengambil peperiksaan di Sekolah Pauh Lima [pada masa itu].
- H** : Maafkan saya Dato', saya baru masuk.
- Z** : Ya. Pada darjah 6 saya telah menduduki peperiksaan dan seramai lima orang lulus dalam peperiksaan tersebut. Saya dapat meneruskan pengajian ke Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris [kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Kemudi] daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Masa tingkatan 3, saya menduduki LCE [Lower Certificate of Education kini dikenali sebagai Penilaian Pentaksiran Tingkatan 3] dan lulus. Manakala masa Tingkatan 5, saya saya mengambil MCE [Malaysian Certificate of Education kini dikenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia] dan lulus tetapi tidak memperolehi sijil 1 kerana Bahasa Malaysia hanya lulus [ketawa]. Seterusnya, saya melanjutkan pengajian ke Kuala Lumpur di Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya untuk menyambung pengajian ke Tingkatan 6 dalam sains tulen dan lulus. Tempoh pelajaran selama dua tahun. Saya menerima tawaran biasiswa oleh JPA untuk keluar negara. Tetapi saya tidak pergi. Saya mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran ke diploma dan memperolehi *class* [kelas] pertama sehingga heboh ke surat khabar seperti *New Straits Times* [telefon bordering]. Selepas diploma, saya dapat bekerja di JPS [Jabatan Pengairan dan saliran air]. Semasa bekerja, saya ditawarkan untuk menyambung pengajian di ITK [sekarang dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA]. Seterusnya, saya menyambung Ijazah pertama di Scotland selama dua tahun dan ditaja oleh kerajaan Malaysia . Dan saya juga menyambung pengajian peringkat sarjana di bawah biasiswa oleh Kerajaan British. Akhir sekali, saya dapat menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah di *University Of Cambridge* [Universiti Cambridge] dibawah tajaan daripada *Cambridge*. Saya ditaja dua kali oleh kerajaan luar.

**S : Adakah Dato' masih berhubung dengan rakan- rakan semasa zaman persekolahan dahulu?**

Z : Ada. Yang ini penting juga *you* [awak] *all* [semua] umur begini yang sedang belajar, perlu luaskan kenalan. Untuk peringkat sekolah rendah, sudah ramai yang saya tidak berhubung kerana ada antara mereka yang sudah meninggal dunia dan untuk sekolah menengah ada yang masih lagi berhubung tetapi tidak menetap di sini [Kelantan]. Ramai rakan yang telah meninggal dunia. Manakala di peringkat Maktab Teknik [semasa diploma di Kuala Lumpur] saya masih lagi berhubung dan berjumpa untuk bersembang dan bertanya tentang hal kehidupan masing-masing. Keseluruhan sekarang berumur 70 tahun keatas.

**S : Okey, bolehkah Dato' kongsi cabaran yang dihadapi semasa bergelar mahasiswa?**

Z : Cabaran yang besar sebagai pelajar ialah kita perlu mendisiplinkan diri. Itu yang penting sekali. Disiplin diri semasa pelajar maka kita akan disiplin semasa kerja dan lain-lain dalam kehidupan kita. Seperti yang saya ada sebut sebentar tadi. Saya dilatih supaya belajar. Apa lagi soalan? [senyum].

**S : Apakah tahap pendidikan tertinggi Dato'?**

Z : Seperti yang sebut sebentar tadi. Saya sudah mempunyai PHD [Doktor Falsafah] daripada *Cambridge*, *Master* [Sarjana] di Scotland, Ijazah pertama di Scotland dan itu semua pelajaran yang tertinggi yang saya perolehi. Saya juga ada menelaah pelajaran tambahan seperti *IMB* [*International Management of Business*] di Switzerland.

## BAHAGIAN C: PEKERJAAN

**H : Selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama Dato'?**

Z : Saya menjadi seorang TA [Pembantu jurutera] di DID semasa itu dan sekarang dikenali sebagai JPS [Jabatan Pengairan dan Saliran Air] di Kuala Lumpur.

**H : Dimanakah Dato' bertugas sekarang?**

Z : Saya bertugas di UTM [Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur sebab saya tidak mahu menetap di Johor jadi Saya meminta untuk bekerja di Kuala Lumpur.

**H : Apakah kemahiran pemimpin yang Dato' suka terapkan?**

Z : Saya memang pada masa yang sama ada terlibat dalam *leadership program* [Program Kepimpinan]. Kita sebagai seorang *leader must be* [pemimpin mesti menjadi] seorang yang terbuka seperti boleh mendengar pendapat orang lain dan bersiap sedia untuk belajar. Dalam ringkasan kita hendak menjadi seorang --- *leader* [pemimpin] atau *strategic leader* [pemimpin strategik]. – *leader* [pemimpin] ialah mereka yang boleh membuat penyesuaian dan mengubah serta menyesuaikan diri dalam keadaan sekitar. *You must ready to change and open to change and you must be conceptual leadership quality* [Awak mesti bersedia untuk berubah dan terbuka untuk berubah dan anda mesti mempunyai kualiti kepemimpinan yang konseptual] itu yang diperlukan. Itu sahaja yang saya amalkan.

**H : Berapa lamakah tempoh Dato' menyandang jawatan Naib Canselor UMK [Universiti Malaysia Kelantan]?**

Z : Enam tahun - lima tahun lebih. Mudah jawapannya [senyum]. Itupun sudah melebihi daripada dua penggal.

## BAHAGIAN D: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

**M : Untuk bahagian pencapaian, apakah pencapaian terbaik yang pernah diiktiraf dalam hidup Dato'?**

**Z :** Pencapaian yang saya perolehi adalah jawatan. Dari segi pentadbiran, saya diberikan peluang pensyarah, professor, timbalan naib cancellor, naib cancellor, dan seterusnya pengerusi universiti. Kalau dari segi professional, saya merupakan ahli professional dalam kejuruteraan sejak tahun '93 [1993] lagi. setiap *sign* [tandatangan] saya mempunyai nilai. Saya juga professional dalam teknologi di \_\_\_\_\_. Selain itu, saya diiktiraf keahlian professional ataupun orang yang telah berjaya oleh Cambridge. Dalam kerjaya peribadi, pentadbiran dan professional semuanya saya telah perolehi.

**M : Apakah yang dapa Dato' kongsikan setelah memberi khidmat dan pelbagai pencapaian yang baik?**

**Z :** Perasan sebenarnya kita *always* [selalu] bangga setelah dapat memberi sumbangan semula kepada organisasi. Itu adalah satu kebanggan dan kepuasan. Selain itu, kepuasan yang lain ialah saya dapat melihat anak murid saya berjaya seperti dua orang anak murid saya menjadi naib cancellor. Dan ada anak murid yang menjadi timbalan menteri dan menteri.

**M : Dato' pernah menyandang sebagai naib cancellor UMK [Universiti Malaysia Kelantan] yang pertama, boleh Dato' ceritakan pengalaman Dato' ketika menjawab jawatan tersebut?**

**Z :** Pengalaman yang sangat unik. Saya diberikan tugas tanpa ada *resources* [sumber-sumber] yang cukup. Saya hanya diberikan kertas putih dan diminta untuk bangunkan sebuah universiti dalam tempoh 9 bulan. Saya tiada ada orang, *staff* [pekerja], program, universiti pada ketika itu. Kalau kita fikir itu satu beban maka tidak akan berjaya, oleh kerana orang memberikan tanggungjawab maka kita tunaikan tanggungjawab. Alhamdulillah selepas sembilan bulan kemudian selepas saya dilantik, universiti dapat beroperasi. Saya ada *staff* [pekerja] yang pertama selepas tiga bulan dilantik. Saya perlu cari *staff* [pekerja], tempat untuk bekerja sebab di Kelantan tiada

tempat untuk bekerja. Saya terpaksa bekerja di Kuala Lumpur selama tiga -- empat bulan baru selepas itu membawa *staff* [pekerja] ke Kelantan. Pada masa itu, di Kelantan tiada tempat untuk bekerja jadi kitorang menumpang di Maktab Perguruan iaitu di satu rumah yang kecil yang hanya mempunyai dua bilik. Kita gunakan bilik di rumah itu sebagai *pair office* [sebahagian pejabat] untuk bekerja. Di situlah bilik mesyuarat, dan tidak ada apa lagi. Semuanya cukup untuk masa itu. Selepas itu, baru kita beli sebuah bangunan dan membaikinya dalam enam -- tujuh bulan kemudian baru ada tempat untuk bekerja. Daripada tiada orang, kita mengambil beberapa *staff* [pekerja] dan selepas tiga bulan baru ditambah lagi. Sehingga semuanya selesai, adanya 660 orang *staff* [perkerja]. Dari segi program, pada permulaanya tiada satu program yang ditawarkan. Kita membangunkan program dahulu dalam masa empat bulan. Kita menggunakan sahabat-sahabat yang ada di serata Malaysia, yang kita pilih supaya membantu kita. Pilih sebagai ahli jawatankuasa atau dalam -- untuk menyediakan apa-apa. Jadi kita -- dalam masa tertentu duduk bersama dan berbincang perkara yang hendak dibuat dan mereka menyumbang dari segi idea dan cara untuk buat. Jadi program berjaya dibangunkan dalam masa empat bulan. Pengalamannya sangat mencabar tiada tempat kerja, program dan pekerja untuk melakukan kerja.

**M : Apakah kejayaan yang dicapai oleh Dato' sepanjang berkhidmat sebagai naib canselor di UMK [Universiti Malaysia Kelantan]?**

**Z :** Kejayan? Banyak kejayaan antaranya daripada tiada university adanya universiti. Daripada tiada kampus, sekarang sudah ada tiga kampus. Semuanya yang saya bangunkan beroperasi seperti biasa iaitu di Bachok dan Jeli. Di pengkalan Chepa, pembukaan Universiti Malaysia Kelantan, telah merencanakan pembangunan di kawasan universiti tersebut dan dapat membuka sumber pendapatan dan kerja kepada orang. Okey apa lagi [senyum]?

**M : Apakah Dato' menerima anugerah lain selain anugerah darjah kebesaran?**

**Z :** Saya merupakan tokoh akademik UTM [Universiti Teknologi Malaysia], tokoh alumni. Saya juga penerima anugerah perkhidmatan cemerlang.

**S : Adakah Dato' terlibat dalam pasukan penubuhan UMK [Universiti Malaysia Kelantan] dan penyumbang idea?**

**Z :** Memang betul. Kitorang diberikan kertas kosong dan bertanggungjawab dalam semuanya [senyum].

#### **BAHAGIAN E: SUMBANGAN**

**S : Apakah sumbangan yang Dato' lakukan yang memberi kesan kepada kehidupan Dato' semasa bekerja?**

**Z :** Sumbangan yang secara langsung sebenarnya kita memberi membangunkan orang. -- dalam Bahasa sekarang menti. Saya ramai menti. Kita membangunkan mereka untuk lebih berjaya. Kalau student [pelajar] membangunkan *student* [pelajar]. Menti ini bermaksud yang *peer* [menjadi] yang kita sama-sama buat dan meningkatkan mereka. Saya ada seorang mahasiswa *student* [pelajar] yang sudah sampai ke tahap professor dan mereka masih menganggap kita sebagai mentornya. Itulah jawapannya [ketawa].

**S : Apakah sumbangan yang pernah Dato lakukan untuk masyarakat sekeliling?**

**Z :** Saya adalah yang dipertua PIBG Sekolah Bukit Marak. Saya pernah menjadi Timbalan yang dipertua di MRSM Kuantan selama lima tahun. Saya juga pernah menjadi Timbalan yang dipertua di Sekolah Muzaffar Shah, Melaka selama lima tahun. Di kampung, yang terkini ada membina masjid [senyum].

## **BAHAGIAN F: HARAPAN**

**S** : Apakah harapan Dato' yang belum tercapai sehingga sekarang?

**Z** : Saya tidak ada *specifically* [secara khusus] tetapi saya hendak kita bersatu padu antara masyarakat. Semua ini berlaku mungkin kerana terlalu fokus terhadap peribadi sendiri. Kalau kita tidak bersatu padu, melayu mungkin akan berkurang di Malaysia ini.

**M** : Oleh itu tamatlah sesi temu bual kita

## **AYAT PENUTUP BICARA**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, sejarah pendidikan serta sumbangan yang telah dilakukan oleh Profesor Emeritus Dato Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Dato dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# RUJUKAN



## RUJUKAN

- Bakar, V. A. P. B. I. A. (2020, January 23). *ZAINAI BIN MOHAMED*. Who's Who X-Techs 1969-1974. <https://1969.tech.blog/2020/01/23/zainai-bin-mohamed/>
- Pusat Kajian Sejarah Lisan. (2007). *Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- SENARAI ahli majlis. (n.d.). Retrieved February 04, 2021, from <https://www.ebaik.my/v2/index.php/ms/profil/organisasi/senarai-nama-ahli-majlis.html>
- Universiti Malaysia Kelantan, C. (2012, July 26). Dato' profesor Emeritus Ir. Dr. ZAINAI Bin MOHAMED Pengerusi LEMBAGA PENGARAH Universiti (LPU) Universiti Malaysia Perlis. Retrieved February 04, 2021, from <http://umkeprints.umk.edu.my/654/>
- Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan, (6), 66

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nursyafawani, Mohamad Zaidi dan Nurhayati menemubual Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed yang dilahirkan 1951, di Kelantan. Temubual dijalankan secara atas talian melalui Webex sebagai medium temubual. Mengenai latar belakang, sejarah pendidikan serta sumbangan yang telah dilakukan oleh seorang tokoh dalam bidang pendidikan yang merupakan Mantan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan [UMK] dari tahun 2006 hingga 2012

LOG	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG</b>		
10.00	Menceritakan tentang latar belakang diri dan keluarga	Nama tokoh Zainai Bin Mohamed  Umur 70 tahun dan lahir pada 1951  Dibesarkan di kampung sehingga berumur 19 tahun  Menetap di Kelantan  Merupakan anak sulung daripada dua orang adik-beradik  Nama ibu: Nek Yah  Nama ayah: Muhammad  Pekerjaan ibu dan ayah ialah menuai padi  Berkahwin pada tahun 1973

		Nama isteri: Rosnah  Pada waktu lapang mengayuh basikal dan bermain golf
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
10.32	Mendapat pendidikan dari sekolah rendah sehingga ke Universiti	Sekolah Rendah Bukit Marak  Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris  Kolej Islam Malaysia  Universiti Teknologi MARA  Menyambung sarjana di Scotland  Menyambung Doktor Falsafah di University of Cambridge
10.46	Menceritakan tentang hubungan dengan rakan-rakan	Masih berhubung dengan rakan semasa diploma di Kuala Lumpur.
10.56	Memberikan pendapat tentang cabaran semasa belajar	Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed
11.04	Bertanya tentang pendidikan tertinggi	Scotland  University of Cambridge

**BAHAGIAN C: PEKERJAAN**

11.05	Menyatakan pekerjaan pertama	Kuala Lumpur
11.13	Memberitahu tempat bertugas sekarang	Bertugas di UTM di Kuala Lumpur
11.16	Menyatakan kemahiran kepimpinan	Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed
11.21	Menyatakan tempoh menyangg jawatan naib canselor	Universiti Malaysia Kelantan

**BAHAGIAN D: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH**

11.27	Memberitahu pencapaian yang diperolehi	Universiti Teknologi Malaysia Universiti Malaysia Kelantan
11.32	Menggambarkan perasaan setelah banyak memberikan khidmat	Universiti Teknologi Malaysia
11.35	Menceritakan pengalaman semasa pertama kali menjadi naib canselor	Kelantan Universiti Malaysia Kelantan Institusi Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan Kuala Lumpur

11.43	Menceritakan kejayaan dicapai	Universiti Malaysia Kelantan Jeli,Kelantan Pengkalan Chepa,Kelantan Bachok.Kelantan
11.50	Memberitahu anugerah yang diperolehi	Universiti Teknologi Malaysia
11.51	Menjelaskan siapa yang memberikan idea kepada penubuhan universiti	Universiti Malaysia Kelantan
<b>BAHAGIAN E: SUMBANGAN</b>		
11.56	Menjelaskan sumbangan yang memberi kesan kepada kehidupan	Kuala Lumpur
00.06	Menjelaskan sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat	Kuantan Kuala Lumpur Bukit Marak, Bachok, Kelantan
<b>BAHAGIAN F: HARAPAN</b>		
00.09	Melihat semua masyarakat bersatu	Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai Bin Mohamed

## DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	PERKARA	TINDAKAN
21 November 2020	11:00 – 11:30 pagi	<p style="text-align: center;"><u>Makluman temubual kepada Tokoh</u></p> <p>Menghantar maklumat temubual melalui WhatsApp kepada Tokoh. Tokoh meminta tarikh yang sesuai untuk temubual tersebut</p>	Kami berbincang dan menyediakan beberapa tarikh yang sesuai untuk temubual dijalankan.
23 November 2020	2:00 – 3:00 petang	<p style="text-align: center;"><u>Cadangan tarikh dan masa untuk temubual</u></p> <p>Kami mencadangkan beberapa tarikh iaitu;</p> <p style="text-align: center;">Tarikh: 01/12/2020 Masa: 10:00 – 11:00 pagi</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p style="text-align: center;">Tarikh: 02/12/2020 Masa: 10:00 – 11: 00 pagi</p> <p>Tokoh memilih tarikh temubual itu pada 01/12/2020.</p>	Membuat penyediaan soalan temubual.
30 November 2020	10:00 malam	<p style="text-align: center;"><u>Temubual ditunda</u></p> <p>Temubual itu terpaksa ditunda kerana perlu membetulkan beberapa kesalahan dalam soalan temubual.</p> <p>Tokoh meminta kami untuk melihat siaran langsung temubual mengenai beliau yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia.</p>	Memperbaiki beberapa kesalahan dalam soalan temubual.

2 Disember 2020	10:00 pagi	<p><u>Siaran langsung temubual tokoh</u></p> <p>Kami melihat siaran langsung temubual tersebut melalui Facebook.</p>	Mencatat beberapa maklumat penting mengenai beliau.
3 Januari 2021	12.00 tengah hari	<p><u>Cadangan tarikh temubual</u></p> <p>Tarikh untuk temubual yang baharu dihantar kepada tokoh.</p> <p>Tokoh memilih untuk ditemubual pada 17/12/2020.</p> <p>Tokoh menunda tarikh temubual tersebut kerana mempunyai hal yang tak dapat dielakkan.</p>	Tarikh akan dimaklumkan.
5 Januari 2021	2:17 petang	<p><u>Tarikh temubual yang baharu</u></p> <p>Kami menghantar pesanan jika tokoh mempunyai kelapangan untuk ditemubual pada minggu tersebut.</p>	Tarikh akan dimaklumkan.
10 Januari 2021	4:40 petang	<p><u>Tarikh temubual yang baharu</u></p> <p>Kami menghantar pesanan jika tokoh mempunyai kelapangan untuk ditemubual pada minggu tersebut.</p>	Temubual bakal dijalankan pada 11 Januari 2021.
11 Januari 2021	10:00 pagi – 1:00 tengah hari	<p><u>Temubual tokoh</u></p> <p>Temubual ini dijalankan dengan menggunakan Webex sebagai platform atas talian.</p> <p>Penggunaan Webex dicadangkan oleh tokoh tersebut.</p>	Merekod rakaman audio dan video temubual tersebut.



## SENARAI SOALAN

**PROFESOR EMERITUS DATO IR. TS. DR. ZAINAI BIN MOHAMED**  
MANTAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### AYAT PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang, sejarah pendidikan serta sumbangan** yang telah dilakukan oleh seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah **Profesor Emeritus Dato Ir. Ts. Dr Zainai Bin Mohamed** yang merupakan **Mantan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan dari tahun 2006 hingga tahun 2012**. Rakaman ini dijalankan pada tarikh (**belum ditetapkan**) bersamaan dengan hari (**belum ditetapkan**) pada pukul (**belum ditetapkan**) menggunakan **Google Meet** sebagai medium temubual pada kali ini. Temubual ini dikendalikan oleh **Mohd Zaidi bin Zainuddin, Nursyafawani binti Che Mohd Noor dan Nurhayati binti Nawawi**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### BAHAGIAN A-LATAR BELAKANG

1. Bolehkah kami tahu nama penuh Dato'?
2. Bilakah tarikh lahir Dato'?
3. Dimanakah Dato' dilahirkan serta dibesarkan?
4. Berapakah umur Dato sekarang?
5. Dimanakah kediaman Dato?
6. Dimanakah Dato' pernah menetap sebelum menetap di kediaman sekarang?
7. Berapakah bilangan adik-beradik dalam keluarga Dato'?
8. Dato' merupakan anak yang keberapa?
9. Siapakah nama ibu dan ayah tercinta Dato'?

10. Apakah pekerjaan ayah dan ibu Dato' semasa membesarkan Dato'?
11. Adakah ibu bapa Dato' masih hidup atau sudah meninggal dunia? Jika masih hidup berapakah umur mereka sekarang?
12. Pada tahun berapakah Dato' mendirikan rumahtangga?
13. Apakah nama isteri Dato'?
14. Hasil perkahwinan bersama isteri Dato', Dato' dikurniakan berapa orang cahaya mata?
15. Apakah aktiviti yang Dato' suka lakukan pada waktu lapang?

#### **BAHAGIAN B-**

#### **SEJARAH PENDIDIKAN**

**MENGENAI SEJARAH PENDIDIKAN DATO', BOLEH DATO' CERITAKAN MENGENAI SEJARAH PENDIDIKAN AWAL DATO'.**

16. Dimanakah Dato' bersekolah rendah?
17. Dimanakah Dato' bersekolah menengah?
18. Bagaimana Dato' ke sekolah dahulu?
19. Pada waktu itu berapakah duit saku yang diterima oleh Dato'?
20. Boleh Dato' kongsi bagaimana alam Persekolahan yang Dato' lalui?
21. Dalam bidang akademik semasa di zaman sekolah, subjek apakah yang paling diminati oleh Dato'?
22. Semasa persekolahan dulu, adakah Dato' aktif dalam mana-mana persatuan atau sukan?
23. Siapakah teman persekolahan yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang?
24. Apakah Dato' masih berhubung dengan rakan-rakan di dalam persokolahan dahulu?
25. Apakah pencapaian Dato' semasa di peringkat bersekolah rendah?
26. Apakah pencapaian Dato' semasa di peringkat sekolah menengah?

27. Apakah kenangan manis sepanjang di zaman persekolahan?
28. Apakah cita-cita Dato' ketika itu?
29. Selepas tamat zaman persekolahan, adakah Dato' melanjutkan pelajaran atau bekerja dahulu?
30. Berapakah umur Dato ketika menyambung pengajian peringkat tinggi tersebut?
31. Dimanakah Dato' menyambung pengajian?
32. Apakah kursus yang diambil oleh Dato' sewaktu menyambung pengajian?
33. Mengapakah Dato' mengambil kursus tersebut di Universiti?
34. Berapa lamakah tempoh pengajian Dato'?
35. Adakah dato menerima bantuan pengajian daripada kerajaan? Jika ada boleh terangkan.
36. Siapakah yang banyak membantu Dato ketika mula-mula menyambung pengajian tersebut?
37. Semasa bergelar seorang pelajar, apakah cabaran yang dihadapi oleh Dato'?
38. Bagaimana Dato' mengatasi cabaran tersebut?
39. Bagaimanakah cara pembelajaran Dato' semasa di Universiti?
40. Semasa belajar di Universiti adakah Dato' ada melakukan kerja sampingan diluar?
41. Apakah tahap pendidikan tertinggi Dato'?
42. Apakah prinsip yang Dato pegang semasa belajar?
43. Siapakah idola Dato untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?
44. Adakah Dato' pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang pembelajaran?
45. Bolehkah Dato' berkongsi sedikit rahsia kejayaan dalam bidang akademik sehingga mencapai anugerah tersebut?

## **BAHAGIAN C-PEKERJAAN**

46. Selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama Dato'?
47. Dimanakah Dato' mula bekerja?
48. Pada tahun berapa Dato' mula berkerja?
49. Berapa lamakah Dato' bekerja di situ?
50. Berapakah gaji pertama yang diterima oleh Dato' pada awal pekerjaan?
51. Apakah jawatan pertama yang disandang oleh Dato' semasa baru mula bekerja?
52. Apakah skop tugas Dato' ketika menyandang jawatan pertama tersebut?
53. Dimanakah Dato' bertugas sekarang?
54. Apakah jawatan yang dipegang oleh Dato'?
55. Boleh kongsi sedikit tentang skop kerja Dato sekarang?
56. Adakah Dato seorang yang tegas kepada subordinat Dato'?
57. Apakah kemahiran pemimpin yang Dato suka terapkan?
58. Pada pendapat Dato, apakah kemahiran interpersonal itu penting untuk berhadapan dengan subordinat?
59. Apakah yang Dato lakukan sekiranya jika sesuatu kerja yang dilakukan tidak seperti yang Dato mahukan?
60. Apakah jawatan yang Dato pernah sandang semasa berkhidmat di UMK selain Naib Canselor?
61. Berapa lamakah tempoh Dato' menyandang jawatan NC UMK?
62. Apakah jawatan yang disandang oleh Dato' selepas naik menjadi NC UMK?
63. Pada tahun berapakah Dato' bersara dari bidang pendidikan?
64. Kenapa Dato' bersara?

#### **BAHAGIAN D-PENCAPAIAN**

65. Apakah pencapaian terbaik yang pernah diiktiraf dalam hidup Dato?
66. Apakah perasaan yang dapat Dato kongsi setelah memberikan khidmat dan mendapat pelbagai pencapaian yang baik?
67. Apakah anugerah atau pencapaian terbaik yang Dato miliki sepanjang perkhidmatan di UMK?
68. Dato pernah menyandang sebagai Naib Canselor UMK yang pertama. Bolehkah Dato' ceritakan pengalaman Dato' ketika menjawat jawatan tersebut?
69. Semasa berkhidmat, adakah pihak universiti ada menghantar Dato' mewakili universiti dalam menerima sesuatu anugerah?
70. Apakah kejayaan yang dicapai sepanjang Dato' berkhidmat sebagai Naib Canselor di UMK?
71. Pada tahun berapa Dato' menerima darjah kebesaran?
72. Semasa Dato' menerima darjah kebesaran adakah Dato' masih berkerja?
73. Apakah cabaran yang Dato' hadapi setelah dianugerahkan darjat kebesaran tersebut?
74. Apakah penganugerahan lain yang pernah Dato' terima selain anugerah darjat kebesaran?

#### **BAHAGIAN E-SUMBANGAN**

75. Adakah Dato juga penyumbang kepada idea penubuhan UMK?
76. Adakah Dato terlibat dengan pasukan penubuhan UMK?
77. Apakah sumbangan Dato' ketika menyandang NC UMK pertama tersebut?
78. Bagaimanakah Dato menghadapi cabaran ketika menyandang N.C UMK tersebut?
79. Apakah sumbangan yang paling memberi kesan kepada kehidupan Dato semasa bekerja dahulu?
80. Apakah sumbangan terbesar yang telah Dato berikan kepada universiti sepanjang berkhidmat sebagai seorang Naib Canselor UMK?

81. Sebagai seorang yang mempunyai jawatan yang tinggi, pasti ramai masyarakat yang mengenali Dato. Jadi apakah sumbangan yang telah Dato' berikan kepada masyarakat?

#### **BAHAGIAN F-HARAPAN**

82. Apakah harapan Dato yang masih belum tercapai sehingga sekarang?

83. Apakah pandangan Dato kepada generasi sekarang yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?

84. Bolehkan Dato kongsi harapan Dato untuk generasi yang akan datang? Dari segi pendidikan dan pemilihan kerjaya.

85. Siapakah tokoh yang paling Dato' kagumi sepanjang hidup?

86. Siapakah orang yang sentiasa memberi motivasi dan dorongan kepada Dato' sehingga Dato' Berjaya.

87. Apakah pandangan Dato' terhadap institusi pendidikan pada zaman Dato dan berikan pandangan tentang isu tersebut?

88. Bolehkah Dato' ceritakan pengalaman manis ketika Dato berkhidmat sebagai Naib Canselor di UMK?

89. Bolehkah Dato' ceritakan pengalaman pahit ketika Dato berkhidmat sebagai Naib Canselor di UMK?

90. Apakah perasaan Dato melihat UMK mampu berdiri teguh sehingga kini?

91. Setelah bersara jika Dato' terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan di Universiti, apakah aktiviti yang akan Dato libatkan diri?

92. Pada pendapat Dato', jika Dato' tidak terlibat dalam bidang pendidikan, Apakah bidang yang akan Dato' ceburi.

93. Apakah rancangan yang Dato' ingin lakukan selepas bersara dalam bidang pendidikan ini?

94. Bagaimana Dato' membahagikan masa diantara kerja dan keluarga sewaktu bekerja dahulu?

95. Apakah prinsip pegangan hidup yang Dato' amalkan dalam kehidupan?

96. Bolehkah Dato' berkongsi sedikit rahsia kejayaan Dato untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan.

### **AYAT PENUTUP BICARA**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, sejarah pendidikan serta sumbangan yang telah dilakukan oleh Profesor Emeritus Dato Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Dato dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## SURAT PERJANJIAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ZAINAI BIN MOHAMED K/P: 970102-10-0000000 pada  
11 Januari 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

**ZAINAI BIN MOHAMED**  
(Nama tokoh )  
Tarikh: 25 Januari 2021

**Nurulannisa Binti Abdullah**  
(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA




## GAMBAR



Gambar 1: Temubual bersama Profesor Emeritus Dato Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed



Gambar 2: Temubual bersama Profesor emeritus Dato Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed



Gambar 3: Temubual terbuka Profesor Emeritus Dato Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed yang disertai oleh pengkaji

# INDEKS

## A

Abstrak iii, iv, vi

Anak x, 20, 21

Akademik 8, 21, 22

## B

Bahagian 1, 3, 4, 5, 7, 9, 10

Belakang ii, 14, 20, 26

## C

Cabaran iv, 5, 15, 22, 24,

Cerita 4, 7, 14, 15, 16, 24, 25

## H

Harapan 10, 17, 25

## K

Kerjaya ii, iv, 7, 25, 26

## L

Latar ii, 14, 20, 26

## M

Masyarakat x, 9, 10, 17, 25

Melalui iv, x, 14, 18, 19

N

Nama viii, 1, 2, 3, 14, 15, 20, 21

P

Pencapaian 7, 16, 21, 24

Program 6, 7, 8

R

Rakan x, 5, 15, 21

S

Sekolah 4, 5, 9, 15, 21, 22

T

Tokoh iii, x, 8, 9, 10

Transkrip ii, vi, 1

U

Universiti 1, 2, 4, 6, 7, 8, 9

W

Wawancara vi, 10, 14

Y

Yang 1, 2, 4, 5, 18, 19, 20, 22, 24, 25, 26

Z

Zainai iv, viii, x, 1, 10, 14, 15, 16, 17